

**KERJA PENYELENGGARAAN JALAN KONKRIT DI HENTIAN
SEBELAH SERDANG (ARAH SELATAN) UNTUK BERI LEBIH
KESELESAAN KEPADA PENGGUNA**

Petaling Jaya, 8 Ogos 2025 :- Dalam usaha memberi lebih keselesaan kepada pengguna lebuhraya, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) akan melaksanakan kerja penyelenggaraan jalan konkrit secara berperingkat di Hentian Sebelah Serdang (Arah Selatan), KM308.20. Sepanjang tempoh ini, laluan masuk ke hentian sebelah serta kemudahan gerai dan tandas di hentian tersebut turut ditutup sementara secara berperingkat mulai jam 10:00 malam, 11 Ogos 2025 hingga 5:00 pagi, 15 Ogos 2025 selama 5 hari bagi membolehkan kerja naik taraf dilaksanakan dengan lancar.

Walau bagaimanapun, hentian sebelah akan dibuka seperti biasa di antara 5:00 pagi hingga 10:00 malam di mana tiada kerja-kerja naiktaraf dijalankan untuk keselesaan pengguna.

Justeru, pengguna lebuhraya dinasihatkan supaya merancang perjalanan mereka dengan menggunakan Aplikasi PLUS untuk mendapatkan maklumat trafik terkini. Mereka juga dinasihatkan supaya mematuhi semua papan tanda trafik serta arahan yang dikeluarkan oleh kakitangan PLUS (Petugas Lebuhraya) ketika melalui kawasan terbabit.

Pengguna lebuhraya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi Pembantu Maya PUTRI, Aplikasi X@plustrafik, Papan Tanda Elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih. Orang ramai juga boleh menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad
Pemangku Ketua
Komunikasi Korporat
PLUS Malaysia Berhad
Telefon Bimbit: 013-2097092
Emel: mashitah@plus.com.my

Rofina Adam
Pengurus
Komunikasi Korporat
PLUS Malaysia Berhad
Telefon Bimbit: 012-657 4452
Emel: rofinad@plus.com.my